

24 JUN 1996

Yong-IT

SABAH MENUBUHKAN MAJLIS TEKNOLOGI MAKLUMAT

KOTA KINABALU, 24 Jun (Bernama) -- Sabah akan mewujudkan Majlis Teknologi Maklumat (Majlis IT) untuk mempelopori penggunaan dan pembangunan teknologi maklumat di negeri itu, kata Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee hari ini.

Beliau berkata, majlis itu akan dipengerusikan oleh beliau sementara Institut Kajian Pembangunan (IKP) negeri akan berfungsi sebagai sekretariatnya.

"Misi utama Majlis IT ialah untuk meningkatkan daya saing Sabah di peringkat antarabangsa melalui penggunaan dan pembangunan strategik teknologi maklumat," kata beliau di persidangan IKP mengenai Membangunkan Daya Saing Melalui Teknologi Maklumat, di sini, hari ini.

Ucapannya dibacakan oleh Timbalan Ketua Menteri Datuk Tham Nyip Shen yang juga Menteri Pembangunan Industri. Nyip Shen kemudiannya memberitahu pemberita majlis itu akan dilancarkan bulan depan.

Yong berkata, majlis itu akan berfungsi sebagai penasihat dan badan perunding bagi mengedarkan dan bertukar-tukar idea dalam rangka kerja Rancangan Rangka Jangka Panjang Sabah (RRJPS) dan Wawasan 2020.

Beliau berkata, keanggotaan majlis itu akan terdiri daripada penjawat-penjawat daripada perkhidmatan awam serta sektor swasta dan antara lain ia dijangka mengesyorkan dasar-dasar dan strategi bagi kerajaan dan swasta.

Beliau berkata, keputusan untuk mewujudkan majlis itu dibuat di mesyuarat Kabinet baru-baru ini.

Yong juga menggariskan 10 fungsi majlis itu yang antara lain ialah untuk memulakan dan menyelaraskan pewujudan Rangkaian Maklumat Perniagaan Sabah dan Rangkaian Maklumat Perkhidmatan Awam.

Nyip Shen memberitahu pemberita yang Majlis IT negeri itu akan mendapat nasihat daripada Institut Sistem Mikro-Elektronik Malaysia (MIMOS) dan majlis kebangsaan mengenai teknologi maklumat yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. -- BERNAMA

KG PR